



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 2.00 petang, 14 Mac 2026

Untuk Terbitan Media
14 Mac 2026

SIARAN MEDIA

KESUMA LANCAR KONVOI 'ZIARAH MADANI', 16,500 BAKUL MAKANAN DISALURKAN KEPADA GOLONGAN MEMERLUKAN

KEPONG: Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) mengagihkan 16,500 bakul makanan ke seluruh negara sebagai intervensi awal menangani kesan 'badai ekonomi' semasa.

Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, berkata perangkaan terkini menyaksikan kadar kemiskinan tegar nasional menyusut kepada 0.09 peratus setakat 2024, berbanding 0.2 peratus pada 2023.

Katanya, pelbagai usaha strategik turut direncana untuk menoktahkan kemiskinan seperti Kampung Angkat, Sekolah Angkat dan Sejati MADANI, demi memastikan golongan memerlukan menerima bantuan sewajarnya serta terus disantuni.

"Justeru, usaha yang diterajui secara bersama oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO); Human Resource Development Corporation (HRDC); Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP); Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) serta Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) ini adalah langkah susulan.

"Hal ini kerana kita mahu impak penyaluran bantuan dirasakan secara langsung oleh rakyat, terutama dalam mendepani cabaran kos sara hidup dan 'badai ekonomi' semasa.

"Kesemua 16,500 bakul makanan mengandungi barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak, santan dan banyak lagi ini antara lain akan diagihkan kepada rakan-rakan kita beragama Islam yang sekali gus dapat membantu persiapan mereka menjelang Aidilfitri," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Majlis *Flag Off* Sumbangan Bakul Makanan Ziarah MADANI Sempena Aidilfitri, di sini, hari ini.

Ramanan menjelaskan, program ini bukan sekadar menghantar bantuan fizikal, malah membawa mesej kebersamaan bahawa setiap lapisan masyarakat sentiasa berada dalam radar keprihatinan kerajaan.

"Kehadiran jentera bantuan yang digerakkan adalah bukti nyata bahawa prinsip kebajikan rakyat diutamakan tanpa ada kelompok yang tersisih.

"Semangat perpaduan dan saling menjaga kebajikan tanpa mengira latar belakang kaum merupakan kekuatan sebenar negara dalam menghadapi rintangan ekonomi," katanya.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
14 Mac 2026

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Iklil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my